

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE [BELURAN]**

**TARIKH : 16 JULAI 2019 [ SELASA ]**

**SOALAN NO. 73**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk menangani insiden kemiskinan daripada terus meningkat khususnya di Sabah dan Sarawak memandangkan lebih 50% daripada jumlah miskin tegar isi rumah kemiskinan disahkan eKasih adalah isi rumah daripada Sabah dan Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Sistem eKasih di Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri, sehingga 15 Jun 2019, seramai 642,550 Ketua Isi Rumah (KIR) telah didaftarkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 52,196 isi rumah adalah berstatus miskin tegar manakala 137,375 isi rumah berstatus miskin dan sejumlah 452,979 isi rumah terkeluar daripada kemiskinan. Sabah mencatatkan 33.28% (17,372) isi rumah miskin tegar dan 15.33% (21,057) miskin manakala Sarawak mencatatkan 34.83% (18,180) isi rumah miskin tegar dan 29.60% (40,657) miskin.

2. Selaras dengan dasar pembangunan inklusif dan strategi dalam Tonggak II KSP RMKe-11, Kerajaan akan terus komited dalam membantu golongan B40 terutamanya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah merangkumi gender, etnik, status sosioekonomi dan lokasi geografi ke arah mewujudkan masyarakat yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Pendekatan ini akan memastikan tiada kumpulan masyarakat yang tercicir daripada mendapat peluang dan manfaat daripada pertumbuhan ekonomi terutama di Sabah dan Sarawak.

3. Antara strategi dan inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu golongan miskin dan berpendapatan rendah adalah seperti berikut:

- a) Meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40. Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan termasuk meningkatkan pendapatan isi rumah miskin dan berpendapatan rendah, meningkatkan keupayaan pekerjaan, menggalakkan keusahawanan, meningkatkan produktiviti, meningkatkan sistem perlindungan sosial;
- b) Memperkasa kumpulan minoriti untuk mendapat manfaat daripada aktiviti ekonomi. Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan kepada pelbagai kumpulan sasar masyarakat terutama dalam aspek pendidikan, kemahiran dan keusahawanan untuk memberdayakan (empower) golongan miskin dan berpendapatan rendah;
- c) Menangani keperluan kumpulan sasar khusus iaitu kanak-kanak, belia, wanita, warga emas, Orang Kelainan Upaya (OKU) dan institusi keluarga. Pelbagai inisiatif akan dilaksanakan untuk memberdayakan dan meningkatkan peranan golongan ini untuk menyumbang kepada aktiviti ekonomi;
- d) Menangani kos sara hidup yang meningkat dengan menangani herotan pasaran, mewujudkan lebih banyak ruang penawaran barangan dan perkhidmatan, penguatkuasaan ke atas peraturan kawalan harga dan meningkatkan tahap konsumerisme di kalangan pengguna; dan

- e) Memperkukuh sistem penyampaian program bantuan kerajaan secara terus supaya isi rumah miskin dan berpendapatan rendah benar-benar mendapat manfaat.

4. Usaha kerajaan untuk meningkatkan taraf sosioekonomi golongan B40 terutamanya golongan miskin sudah tentu akan memberi kesan yang positif kepada rakyat dan negara secara keseluruhannya. Melalui pendekatan pembangunan yang inklusif dan holistik berasaskan "*shared prosperity*", Kerajaan yakin insiden kemiskinan akan dapat terus dikurangkan dan pendapatan serta kualiti hidup rakyat dapat ditingkatkan. Ini akan memastikan hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dan dinikmati oleh seluruh rakyat dan negara akan mencapai Kemakmuran Bersama.

Sekian, terima kasih.